

Kastam rampas dadah RM1.43 juta di KLIA, KLIA2

Posted on February 10, 2015, Tuesday

SEPANG: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), mematahkan dua cubaan warga asing menyeludup dadah jenis methamphetamine seberat 7.19kg bernilai RM1.43 juta melalui kawasan lapangan terbang di sini pada 31 Jan dan 4 Feb lepas.

Pengarah Kastam KLIA Datuk Chik Omar Chik Lim berkata dadah yang cuba diseludup seorang lelaki warga Nigeria dirampas di KLIA pada 31 Jan manakala percubaan menyeludup bahan itu oleh seorang wanita warga China pula ditumpaskan pada 4 Feb di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur 2 (KLIA2).

Bagi kes pertama, katanya, dadah seberat 5.3 kg bernilai RM1.07 juta ditemui disorok di dalam 25 buah beg atau 'pouch' kecil selepas imbasan ke atas bagasi yang tiba dari Lagos, Nigeria itu didapati terdapat imej merakamkan.

Meskipun modus operandi masih sama iaitu menyembunyikan dadah di dalam bagasi namun pendekatannya sedikit berbeza, dengan penyeludup akan melakukan transit ke beberapa lapangan terbang domestik setibanya di KLIA, katanya.

Chik Omar dalam sidang media di pejabatnya di sini semalam berkata dalam kes berkenaan, suspek dikesan transit ke Miri sebelum mengambil penerbangan ke Mulu, Sarawak.

"Mungkin suspek tahu di lapangan terbang Mulu tiada kemudahan mesin pengimbas serta anggota kastam yang bertugas juga tidak ramai, namun dalam kes ini beliau tidak bernasib baik kerana bagasinya tiba agak lewat di KLIA seterusnya mengambil masa untuk dihantar ke Mulu," katanya.

Berikutan itu, suspek yang dipercayai tiba dari Lagos pada 29 Jan sebelum transit ke Miri dan Mulu telah bertindak menaiki penerbangan semula ke KLIA dari Miri keesokan harinya tetapi tidak mengambil bagasi berkenaan sebaliknya meminta syarikat penerbangan membuat penghantaran ke lokasi penginapannya di Kuala Lumpur.

"Bagasi yang hendak dihantar keluar dari KLIA wajib melalui mesin pengimbas dan ketika melalui proses imbasan itulah barang terlarang tersebut berjaya dikesan," katanya.

Beliau berkata cubaan syarikat penerbangan menghubungi penumpang itu tidak berjaya dan siasatan mendapati suspek telah keluar dari Malaysia pada 2 Feb walaupun jadual asal penerbangan pulang adalah pada Sabtu lepas.

Ditanya langkah untuk mengelak penyeludup dadah menggunakan kelemahan aspek keselamatan di lapangan terbang bersaiz kecil khususnya di Sarawak dan Sabah, Chik Omar berkata anggota di lapangan terbang berkenaan akan diminta memberi lebih tumpuan kepada bagasi daripada negara berisiko.

Dalam kes kedua pula, wanita warga China berumur 23 tahun yang menaiki penerbangan dari Hong Kong ditahan di balai ketibaan KLIA2 pada jam 12.30 tengah malam selepas hasil imbasan pada bagasinya menemui dadah seberat 1.89 kg bernilai RM359,100.

Siasatan awal mendapati suspek yang kini ditahan reman untuk siasatan mengikut Seksyen 39(B) Akta Dadah Berbahaya 1952 tidak pernah memasuki negara ini, katanya. — Bernama

